

07/07/1999

Pengerusi SGI lawat PM

PUTRAJAYA, Selasa - Pengerusi SGI World Trade, Robert R Bishop, hari ini mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

Bishop berada di Malaysia untuk menghadiri mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) di Cyberjaya selama tiga hari mulai Khamis ini.

SGI atau Silicon Graphics yang beribu pejabat di California, Amerika Syarikat, adalah syarikat terkemuka dalam pasaran pengkomputeran teknikal dengan pendapatan bagi tahun kewangan 1998 berjumlah AS\$3.1 bilion (kira-kira RM11 bilion).

Panel yang mengandungi pemimpin industri multimedia dan pakar itu, ditubuhkan untuk menasihati kerajaan mengenai MSC.

(END)